

Pemantauan Pengurusan Rekod di MRS Kuala Selangor

Kuala Selangor, 25 April 2024 – Satu Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod telah diadakan di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Kuala Selangor bagi memastikan pengurusan rekod di lokasi sentiasa berada dalam keadaan teratur, selamat dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Lawatan ini diketuai oleh En. Sofian bin Ibrahim, Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) bersama Puan Nuraziraakmar binti Othman, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ), serta pegawai dan kakitangan MRS Kuala Selangor.

Hasil pemantauan mendapati rekod fail Urusan Am dan Fungsian disusun dengan baik, kertas minit dikemaskini, dan fail aktif serta tidak aktif diseliah rapi. Bagi rekod yang akan dijilidkan, sebanyak 161 folder kes Mal (1986–2009) dan 19 folder kes Jenayah (1992–2009) telah diasingkan dan dimasukkan ke dalam folder 2D putih mengikut ketebalan bersesuaian.

Walau bagaimanapun, pemantauan turut mengenal pasti beberapa isu seperti kerosakan pendingin hawa di bilik fail tidak aktif dan kebocoran siling yang berisiko merosakkan rekod penting.

Dari aspek pelupusan, sebanyak 472 fail Urusan Fungsian Siri Kes Mal telah dilupuskan pada tahun 2023, manakala bagi tahun 2024, proses mengenal pasti fail untuk pelupusan masih dijalankan termasuk bahan terbitan yang mengandungi ayat al-Quran.

Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuklah mengemaskini senarai pada kulit depan folder mengikut format yang ditetapkan, tidak menyertakan kulit fail bagi rekod untuk penjilidan, serta penggunaan silica gel bagi mengawal kelembapan sementara menunggu pembaikan penghawa dingin dan penyediaan dehumidifier.





